

Menteri Perusahaan Utama Rasmi Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002

Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002 telah berlangsung pada 31 Oktober - 1 November 2002 di Hotel Marriott, Putrajaya. Persidangan yang bertemakan *Strategi ke Arah Pengukuhan dan Halatuju Sektor Pekebun Kecil Sawit* telah dihadiri

oleh 308 peserta terdiri daripada pekebun kecil, pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi pembangunan serta sektor swasta yang terlibat dengan industri sawit khususnya sektor pekebun kecil. Persidangan ini diadakan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai penemuan baru berkaitan teknologi penanaman sawit dan perkembangan dalam industri sawit. Turut dibincangkan ialah strategi pelaksanaan untuk meningkatkan produktiviti sawit khususnya sektor pekebun kecil. Persidangan ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan penanam terhadap kepentingan menerimanya teknologi terkini serta untuk menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman antara pekebun kecil, pegawai pelaksana dan pegawai penyidik ke arah memperkukuh halatuju sektor pekebun kecil sawit Malaysia.

Dalam ucapan perasmianya, YB Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perusahaan Utama Malaysia, telah melahirkan keyakinannya bahawa sektor pekebun kecil,

KANDUNGAN

- Menteri Perusahaan Utama Rasmi Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Kuiz Sawit 3
- Diari UPPK & PT 5
- Sudut Teknologi - Baja sawit MPOB F1 7
- Berita Bergambar 10-11
- Kenalilah... MPOB SRBT1 untuk Mengawal Beluncas dan Ulat Bungkus di Ladang Sawit 12
- Profil Komoditi Sawit 14
- Tahukah Anda 16
- Sedutan Akhir 17
- Sudut Kreatif Sawit 18
- Peladang Jaya 19



YB Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perusahaan Utama sedang menyampaikan ucapan perasmian persidangan.

bersambung di muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Yusof bin Basiron
Ketua Pengarah MPOB

PENGERUSI
Hj Mamat bin Salleh

TIMBALAN PENERUSI
Dr Mohd Basri bin Wahid

KETUA PENYUNTING
Dr Zin Zawawi bin Hj Zakaria

PENYUNTING
Hj Esnan bin Abd Ghani
Hj Suboh bin Ismail
Ab Aziz bin Md Yusof
Dr Cheah Suan Choo
Dr Hj Ahmad Hitam
Jamil bin Nordin
Hj Adzmi bin Hassan

SETIAUSAHA
Hj Idris bin Hj Omar



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Dalam era globalisasi dan liberalisasi atau dunia tanpa sempadan, pengeluar komoditi terdedah kepada saingan yang sengit. Bagi pengeluar komoditi yang ingin terus maju dan hidup, mereka perlu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Keadaan ini tidak terkecuali kepada pengeluar sawit.

Di Malaysia, terdapat dua sektor utama sawit yang mempunyai perbezaan produktiviti dan kos yang ketara iaitu sektor estet dan sektor pekebun kecil. Tanpa prihatin dan pembelaan kerajaan, sektor pekebun kecil dijangka tidak dapat bersaing dan bertahan lama kerana produktiviti yang rendah. Untuk meningkatkan produktiviti, sektor pekebun kecil memerlukan pengetahuan, kemahiran dan input. Dalam hal ini, kerajaan melalui MPOB telah merancang dan melaksanakan beberapa pelan tindakan untuk membantu meningkatkan produktiviti sawit sektor pekebun kecil.

Tindakan utama yang telah diambil oleh MPOB ialah menubuhkan Pusat TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit). Seramai 50 pegawai TUNAS telah ditempatkan di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang strategik. Pada peringkat permulaan, mereka berperanan sebagai agen komunikasi antara pekebun kecil dan MPOB, dan apabila mereka telah berpengalaman, mereka bertanggungjawab memberi khidmat nasihat secara langsung.

Melalui Pusat TUNAS, latihan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil akan dapat ditingkatkan berbanding pada masa yang lepas. Pembekalan input baja juga sangat penting untuk melengkapkan pengetahuan dan kemahiran yang telah ada. Dalam hal ini, MPOB telah melancarkan formulasi baja sawit yang seimbang dikenali sebagai MPOB F1. MPOB juga dalam proses bekerjasama dengan pengeluar baja tempatan supaya menyediakan skim kredit baja untuk kemudahan pekebun kecil.

Tindakan ini dijangka dapat mengatasi masalah pengetahuan, kemahiran dan pembekalan input utama. Walau bagaimanapun, penyaluran pengetahuan, kemahiran dan input tidak akan mencapai matlamat sepenuhnya tanpa iringan perubahan sikap pekebun kecil dari sikap berpuas hati kepada sikap ingin terus maju.

sambungan dari muka surat 1

satu sektor yang penting dalam industri sawit berkeupayaan untuk maju ke hadapan dan mampu bersaing dalam industri ini. Beliau mengingatkan betapa pentingnya sektor pekebun kecil mempunyai matlamat dan halatuju untuk menjadi pengeluar yang kompetitif dan berwawasan terutama dalam era globalisasi dan liberalisasi. Pada tahun 2001, purata pengeluaran minyak negara ialah 3.65 t minyak/ha manakala purata pengeluaran sektor pekebun kecil adalah sekitar 3 t minyak/ha sahaja. Oleh itu, adalah penting bagi semua pekebun kecil yang terlibat untuk memastikan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan produktiviti dengan mengoptimumkan pengeluaran dan meminimumkan kos.

Beliau turut menghuraikan prestasi industri sawit pada tahun ini yang memberangsangkan berbanding tahun lalu. Beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan telah memberi kesan positif terhadap harga minyak sawit. Antaranya ialah Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS), pengecualian cukai eksport ke atas minyak sawit mentah (MSM) dan pembakaran minyak sawit sebagai bahan api. Langkah yang bertujuan mengurangkan pengeluaran dan stok minyak sawit berjaya memulihkan harga MSM dan seterusnya meningkatkan harga buah tandan segar (BTS).

bersambung di muka surat 3

YB Menteri juga menekankan visinya supaya industri sawit negara mencapai pengeluaran 35 t BTS/ha/thn dengan penghasilan 8 t minyak/ha/thn melalui kadar perahan minyak (KPM) 25% menjelang tahun 2020. Kerajaan maklum bahawa untuk mencapai produktiviti yang tinggi, pekebun kecil memerlukan pengetahuan, kemahiran, input dan bantuan yang mencukupi. Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk membantu sektor pekebun kecil meningkatkan produktiviti. Sebagai contoh, kerajaan melalui MPOB telah melancarkan program TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit), di mana 50 pegawai TUNAS telah dilantik untuk memberi khidmat nasihat teknikal kepada pekebun kecil yang tidak mendapat perkhidmatan ini daripada mana-mana agensi kerajaan. Kerajaan berharap pegawai TUNAS dapat membantu pekebun kecil meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan pengeluaran sawit. Beliau turut mengharap agar pegawai TUNAS dapat menjalin perhubungan rapat dan mewujudkan proses perbincangan supaya bukan sahaja pekebun kecil memahami dan menerimapakai apa yang diajar tetapi mewujudkan satu gabungan yang padu di antara pekebun kecil dan pegawai TUNAS. Beliau turut mengingatkan pegawai TUNAS supaya bersungguh-sungguh dan berhati-hati melaksanakan tanggungjawab kerana tugas mengubah seorang petani tradisional kepada seorang petani moden bukanlah mudah. Ini memerlukan kreativiti dan kebijaksanaan

pegawai TUNAS. Dengan perkataan lain, harus ada perkongsian pintar antara TUNAS dan pekebun kecil. Perkongsian pintar ini harus berdasarkan *berapa cepat TUNAS dapat membantu pekebun kecil dan bukan berapa lama TUNAS dapat beri pertolongan.*

YB Menteri Perusahaan Utama juga menyentuh mengenai penggunaan baja oleh pekebun kecil sebagai faktor penting yang mempengaruhi potensi hasil sawit. Kadar penggunaan baja dan amalan membaja secara optimum tidak memuaskan dalam sektor pekebun kecil. Ini telah menjejaskan pengeluaran hasil. Peningkatan penggunaan baja dan pembiakan dalam teknologi pembajaan dianggap kunci kepada peningkatan hasil. Bagi mengatasi masalah input baja, MPOB telah bekerjasama dengan pengeluar utama baja bagi menyediakan Skim Kredit Baja. Skim ini bertujuan membantu pekebun kecil mudah mendapat baja untuk kegunaan ladang mereka. Dalam skim ini, pengeluar baja melantik stokis/agen baja dari kalangan pelesen buah dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang akan memberi kemudahan kredit membeli baja dengan bayaran ansuran dibuat setiap kali mereka menjual hasil sawit mereka kepada agen tersebut. Oleh itu, Skim Kredit Baja ini akan memberi keuntungan kepada semua pihak. Pekebun kecil dapat membeli baja untuk kegunaan ladang dengan mudah kerana kos pembajaan adalah kos yang tinggi dalam pengeluaran BTS yang dianggarkan 35%.

Bersambung di muka surat 4

????? **Kuiz Sawit** ?????

1. Perkataan *El Nino* selalu dikaitkan dengan apa?
2. Perkataan *La Nina* pula selalu dikaitkan dengan apa?
3. Apakah ciri-ciri bahan tanaman sawit terbaru PS4?
4. Apakah produk utama yang boleh dihasilkan dari PS4?
5. Berapakah bilangan pokok sawit sehektar untuk kaedah penanaman sawit kepadatan tinggi?

Jawapan di muka surat 20

sambungan dari muka surat 3

Pelesen buah dan PPK akan dapat mengembangkan perniagaan mereka dalam aspek perniagaan baja di samping membeli buah sawit. Pelesen buah yang mendapat bekalan buah sawit daripada pekebun kecil akan merasa selesa memberi kredit baja kepada pelanggan mereka kerana terdapat unsur jaminan bayaran balik kredit. Pengeluar baja pula dapat meluaskan perniagaan baja mereka kepada pekebun kecil yang selama ini kurang akses kepada sumber kredit tradisional seperti bank dan koperasi.

Mengenai SITS yang telah dilancarkan pada tahun 2001, YB Menteri Perusahaan Utama melahirkan rasa gembira kerana pekebun kecil telah memberi sambutan yang menggalakkan terhadap skim ini. Sehingga awal Oktober 2002, sebanyak RM 160 juta membabitkan kawasan seluas 167 500 ha dibayar di bawah bantuan SITS. Sebanyak RM 7 juta sedang atau akan diurus pembayaran. Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa bantuan SITS adalah sebagai permulaan sahaja di mana wang sebanyak RM 1000/ha dibayar sebaik sahaja pokok sawit tua ditebang. Pelaksanaan aktiviti ladang selepas bantuan SITS adalah lebih penting untuk menjamin program tanam semula di bawah SITS mencapai matlamat dari aspek produktiviti pada masa akan datang.

YBhg Datuk Dr Yusof Basiron, Ketua Pengarah MPOB, semasa menyampaikan ucapan aluannya telah menyentuh mengenai pelaksanaan Kempen Peningkatan Produktiviti Sawit yang diterajui oleh MPOB bertujuan meningkatkan purata pengeluaran minyak sawit negara daripada 3.7 t/ha/thn setahun pada masa sekarang kepada minimum 4 t/ha/thn pada tahun 2003. Bagi menangani masalah produktiviti pengeluaran yang rendah ini, MPOB melalui Kempen Produktiviti telah merangka dan melaksana strategi kempen untuk meningkatkan kesedaran pihak industri terutama sektor pekebun kecil. Strategi segera ialah memastikan agar pekebun kecil mengamalkan amalan perladangan yang cekap dan sempurna seperti pembajaan, penjagaan ladang, kawalan makhluk perosak/penyakit dan penggunaan teknologi yang lebih meluas. Langkah ini harus diikuti dengan pembekalan BTS yang berkualiti dan pengilangan yang cekap. Bagi meningkatkan kerjasama di antara pembekal dan pengilang buah sawit serta


memastikan bekalan BTS yang bermutu ke kilang, MPOB menggalakkan penubuhan Jawatankuasa Kualiti di antara pembekal dan pengilang serta pelaksanaan penggredan BTS sepenuhnya di kilang. Untuk menjaga kualiti, pihak pengilang dan pembekal juga digalakkan menjalankan urus niaga BTS yang berkualiti dengan kandungan buah relai di antara 6% hingga 8%. Di samping itu, MPOB sedang mempertimbangkan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras urus niaga buah tandan muda dengan melaksanakan sistem penalti ke atas peniaga buah sawit dan pengilang yang menjalankan urus niaga buah sawit muda. MPOB sedang mengkaji pelaksanaan sistem kompaun terhadap kilang yang tidak memaksimumkan kapasiti pengeluaran dan kecekapan pengilangan sepenuhnya.

Sempena majlis perasmian persidangan kali ini, turut diadakan ialah acara pelancaran *Manual Penanaman dan Penyelenggaraan Sawit untuk Sektor Pekebun Kecil*, pelancaran Baja Formulasi MPOB F1-Union Harvest dan cabutan bertuah pekebun kecil yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik. Penyampaian Anugerah Industri Sawit Malaysia 2001 pula telah disampaikan oleh YB Datuk Anifah Hj Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Dalam persidangan kali ini, sebanyak 18 kertas kerja telah dibentangkan dalam lima sesi yang merangkumi aspek peningkatan pengeluaran BTS, pemindahan teknologi, peningkatan pendapatan dan peningkatan kualiti BTS. Kesemua kertas kerja yang dibentangkan telah dibukukan dan diterbitkan oleh MPOB dengan tajuk *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002*.

Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ariffin Darus, dalam ucapan penutup persidangan telah menjelaskan mengenai program Kempen Meningkatkan Produktiviti Sawit yang bertujuan mencapai pengeluaran 5 t/ha/thn minyak sawit bagi jangka masa sederhana dan 8 t/ha/thn bagi jangka masa panjang. Beliau juga menyatakan komitmen dan usaha berterusan MPOB untuk memastikan maklumat mengenai teknologi sawit akan dapat disampaikan dengan cara yang lebih berkesan kepada pekebun kecil sawit pada masa hadapan.

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf



Kursus Sehari Sawit untuk Agen Pengembangan

Sebanyak 10 modul Kursus Sehari Sawit untuk pegawai agensi pengembangan dan pembangunan telah disediakan. Tajuk kursus meliputi pelbagai aspek pembangunan dan penyelenggaraan kebun sawit. Setiap modul dijalankan dalam bentuk ceramah dan latihan amali. Dalam tahun 2002, sebanyak 33 kursus telah dijalankan dengan jumlah peserta seramai 923 orang.

Kursus Ad hoc untuk Pegawai/Kakitangan

Sebanyak 12 kursus *ad hoc* untuk pegawai telah dijalankan sepanjang tahun 2002 melibatkan 621 peserta. Tajuk kursus yang telah disampaikan ialah pembajaan sawit, pemangkasan, penuaian, kualiti dan penggredan buah tandan segar, integrasi ternakan, pengurusan ulat bungkus, pengurusan tanah gambut dan pengurusan tapak semaian sawit.

Kursus Sawit dan Ceramah/Dialog dengan Pekebun Kecil

Sebanyak enam kursus dan majlis ceramah/dialog mengenai penanaman dan penyelenggaraan sawit untuk pekebun kecil sawit telah diadakan sepanjang tahun 2002. Seramai 490 pekebun kecil sawit telah menghadirinya. Program ini dijalankan dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Risd, Felda Cempelak Barat, Segamat, Johor dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor.

Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit

Berikut adalah senarai nama pengusaha tapak semaian sawit yang telah berjaya memperoleh Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit yang baru dan yang dibaharui pada tahun 2002:

1. Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ)
Ladang Bukit Bujang, P.S. 60, 85007 Segamat, Johor.
Tel.: 07-2342000
2. Ladang Gomali (Dynamic Plantation Bhd.)
K.B. 106, 85109 Batu Anam, Segamat, Johor.
Tel.: 07-9499164
3. PPK Kota Tinggi Timur
Lot PTD 259, Mukim Hulu Sg. Sedili Besar,
81900 Kota Tinggi, Johor.
Tel.: 07-8911752
4. Kim Ann Trading
T/L MBP 446, 24 km Sg. Pulai, Mukim Sri Menanti,
84160 Muar, Johor.
Tel.: 06-9882851/06-9883259
5. Pekan Plantations S/B
Ladang Pekan, Mukim Layang-Layang, Kluang,
Johor.
Tel.: 07-8961370
6. Kumpulan Temiang S/B
Ladang Ulu Remis, Mukim Layang-Layang,
Kluang, Johor.
Tel.: 07-7527107/07-7526105
7. FASSB
Tapak Semaian Sawit, Stesen FASSB Ulu Belitong,
86007 Kluang, Johor.
Tel.: 07-7863464 /07-8977128
8. Guthrie Plantation & Agricultural Services S/B
GPAS Ulu Remis, Guthrie Planting Material Unit,
81850 Layang-Layang, Kluang, Johor.
Tel.: 07-7527122
9. Pamol Plantation S/B
Lot HSD 23794, PTD3226, Ladang Mamor,
Mukim Nyior, 86000 Kluang, Johor.
Tel.: 07-7725472
10. Guthrie Ropel Bhd.
Ladang Cha'ah, Peti Surat 102,
85400 Cha'ah, Johor.
Tel.: 07-4392096
11. Bukit Siput Trading Co.
MLO 562, Batu 333/4 Jalan Johor-Ayer Hitam,
Bukit Batu, 81000 Kulai, Johor.
Tel.: 07-6512492
12. T.K.Tani Enterprise
Lot 475, (No. Geran 583), Mukim Tangkak,
Muar, Johor.
Tel.: 019-3375570
13. Inai Utama S/B
Lot 475, Kg. Sialang, Asahan, Mukim Tangkak, Muar,
Johor.
Tel.: 03-78770680/1
14. Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ)
Tapak Semaian Macap, Bt. 53 1/4,
Jalan Air Hitam - Johor, 86100 Ayer Hitam, Johor.
Tel.: 019-7717525
15. Tan Sow Hee
119, Kg. Baru Kejai, 09300 Kuala Ketil, Kuala Muda,
Kedah.
Tel.: 04-4061426
16. Liman Agricultural Services
No. 269, Padang Lembu, 08330 Gurun, Kedah.
Tel.: 04-4686151
17. RSSB
Tapak Semaian Bkt. Perak, Mukim Padang Peliang,
Jalan Kg. Baru, Pendang, Kedah.
Tel.: 04-7541002

sambungan dari muka surat 5

18. Soon Soon Plantation
Lot 792, Sg. Kecil, Bandar Baharu, Kedah.
Tel.: 04-5933198
19. Sungei Bongkoh Estate S/B
Sungei Bongkoh Est., 08100 Bedong, Kedah.
Tel.: 04-4581311
20. Lee Chiang Poh Oil Palm Nursery
Lot 2075, Mukim Sidam Kiri, Kuala Ketil,
Kuala Muda, Kedah.
Tel.: 04-4413248
21. Syarikat Chan Hock Seng
Batu 17 1/2, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.
Tel.: 06-5561086
22. Ladang Sengkang (Kump. Linggi S/B)
71250 Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel.: 06-6619311
23. Nam Bee Co. S/B
Air Kuning Selatan, 73300 Batang Melaka,
Negeri Sembilan.
Tel.: 06-4479720
24. Ladang Siliu
(Kump. Tebong S/B)
Mukim Rantau, 71250 Port Dickson,
Negeri Sembilan.
Tel.: 06-6941240/477
25. Ladang Tanah Merah (Kump. Sua Betong S/B)
71009 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel.: 06-6673211/794
26. Soon Soon Plantation
Lot 1046 & 1047, Mukim 8, Seberang Prai Selatan,
Pulau Pinang.
Tel.: 04-5933198
27. Soon Soon Plantation
Lot 578, Mukim 12, Seberang Prai Selatan,
Pulau Pinang.
Tel.: 04-5933198
28. Soon Soon Plantation
Lot 1177, Mukim 7, Seberang Prai Selatan,
Pulau Pinang.
Tel.: 04-5933198
29. Soon Soon Plantation
Lot 326, 328 & 680, Mukim 6 & 8,
Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang.
Tel.: 04-5933198
30. Keat Hong Co.
Taman Orkid, Bt.12, Jalan Bidor, 36020 Teluk Intan,
Perak.
Tel.: 05-6561348
31. RSSB
Ladang Getah Risda Kg. Changkat Sulaiman,
35600 Sungkai, Perak.
Tel.: 05-4387101
32. Poh Aik Oil Palm Nursery
Batu 13, Jalan Segari, 34900 Pantai Remis, Perak.
Tel.: 05-6771183
33. The Selinsing Co. Ltd.
Lot 2466, Mukim Selinsing, Krian, Perak.
Tel.: 05-8901235
34. Nadi Rumpun S/B
Ladang Windsor, Lot 690, Jalan Bt. Kurau,
34010 Taiping, Perak.
Tel.: 05-8836312
35. MHC Plantations Bhd.
Ladang Batang Padang, Batu 6, Jalan Changkat Jong,
36000 Teluk Intan, Perak.
Tel.: 05-6222020
36. Kamunting Plantation Bhd.
103, Jalan Changkat Jong, 36000 Teluk Intan, Perak.
Tel.: 05-622861/832
37. RSSB
Tapak Semaian RSSB, Gunung Tunggul,
32500 Changkat Kruing, Manjong, Perak.
Tel.: 05-6751866
38. Perak River Estate S/B
Batu 17, 33700 Padang Rengas, Perak.
Tel.: 05-7584219
39. KOPORIM Sawit (S) S/B
Mukim Silabukan, Lahad Datu, Sabah.
Tel.: 019-8532360
40. Pamol Estate (Sabah) S/B
Ladang Tindakan, Pamol, Sandakan, Sabah.
Tel.: 089-518470/471
41. Golden Hope Plantations (S) S/B
Ladang Table, Golden Hope Plantations (S) S/B, Peti
Surat No. 135, 91007 Tawau, Sabah.
Tel.: 089-750524
42. Golden Hope Plantations Bhd.
Ladang Merotai, Tawau, Sabah.
Tel.: 089-902801
43. Sarawak Oil Palm Bhd.
Km. 41, Miri-Bintulu Road, P.O. Box 547,
98007 Miri, Sarawak.
Tel.: 085-481188
44. Golden Hope Plantations (OPRS) Bhd.
Km 10, Jalan Banting-Klang, 42700 Banting, Selangor.
Tel.: 03-31202311
45. HRU S/B
Highlands Res. Unit, Km 5 Jalan Langat,
41200 Klang, Selangor.
Tel.: 03-33232144
46. Syarikat Tee Kim Keow
Lot 352, Jalan Pak Kobat, Permatang Pasir,
42700 Banting, Selangor.
Tel.: 03-31201666
47. Syarikat Joo Hin
Taman Sri Cahaya, 45600 Batang Berjuntai, Selangor.
Tel.: 019-2282468

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf

SUDUT TEKNOLOGI

Pengeluaran hasil sawit yang baik bergantung pada beberapa faktor penting seperti kesesuaian tanah dan iklim, penyediaan kawasan tanaman (tanah) yang sempurna, jenis dan kualiti anak benih yang digunakan, pengurusan agronomi dan kawalan penyakit/perosak. Dalam pengurusan agronomi sawit, pembajaan merupakan aspek penting kerana pokok sawit memerlukan kadar pembajaan yang tinggi berbanding dengan tanaman lain.

Pada masa ini, terdapat pelbagai jenis baja yang dijual di pasaran seperti baja tunggal, baja sebatian dan baja campuran. Baja tunggal mengandungi satu unsur utama sahaja, manakala baja campuran dan sebatian mengandungi lebih daripada satu unsur utama. Baja campuran dibuat dengan mencampurkan beberapa jenis baja tunggal secara fizikal. Baja sebatian pula dibuat dengan mencampurkan beberapa unsur melalui proses basah atau proses kering menggunakan tekanan tinggi.

MPOB, melalui penyelidikan selama 20 tahun telah berjaya menghasilkan formulasi baja seimbang yang dinamakan *Baja Sawit MPOB F1*.

Kebaikan baja sebatian

Pokok sawit memerlukan beberapa unsur utama seperti nitrogen (N), fosforus (P), kalium (K) dan magnesium (Mg) serta unsur surih boron (B) dengan kadar yang berbeza mengikut jenis tanah, umur pokok dan tahap pengeluaran. Kadar baja yang diperlukan boleh dianggarkan dengan membuat analisis tanah dan daun.

Baja tunggal senang untuk memenuhi keperluan nutrien setiap pokok dengan tepat tetapi memerlukan logistik dan tenaga buruh yang banyak untuk menabur setiap jenis baja. Penggunaan baja campuran atau sebatian dapat mengurangkan logistik dan menjimatkan tenaga buruh kerana kekerapan membaja dapat dikurangkan. Namun demikian, untuk membekalkan baja yang seimbang mengikut keperluan setiap pokok,

BAJA SAWIT MPOB F1



baja tunggal dan baja sebatian mempunyai kelebihan berbanding baja campuran kerana baja campuran akan mengalami segregasi atau pengasingan unsur kerana setiap jenis baja yang dicampurkan berbeza dari segi saiz, bentuk dan ketumpatan.

Secara umum, harga per unit nutrien baja tunggal adalah termurah diikuti dengan harga baja campuran dan sebatian. Dengan mengambil kira kos logistik, kos buruh dan matlamat membekalkan baja yang seimbang kepada pokok, penggunaan setiap kategori baja ini memberi keberkesanan kos pembajaan yang berlainan kepada setiap sektor. Dalam hal ini, baja sebatian sesuai untuk penggunaan sektor pekebun kecil, manakala penggunaan baja tunggal atau campuran adalah lebih ekonomi untuk sektor estet dengan bantuan mesin menabur baja. Penggunaan baja

sambungan dari muka surat 7

sebatian lebih baik untuk pokok pramatang kerana kadar keperluan baja pada peringkat ini masih belum tinggi.

Baja Sawit MPOB F1

Baja Sawit MPOB F1 adalah baja sebatian yang mengandungi nutrien yang seimbang dengan kebaikan ciri-ciri baja sebatian. Baja sawit yang seimbang penting untuk membantu pekebun sawit menggunakan baja yang paling sesuai bagi mencapai peningkatan hasil.

Baja Sawit MPOB F1 dibuat melalui proses kering di bawah tekanan tinggi. Bahan mentah yang digunakan bermutu tinggi. Semua bahan mentah ini dikisar halus, digaul sama rata sebelum dipadatkan dan dipecahkan dalam bentuk butir tidak sama (*irregular shape*). Baja padat ini akan sentiasa keras dan tidak akan berasingan (*segregated*) sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan.

Formulasi baja serta bahan mentah yang digunakan untuk membuat *Baja Sawit MPOB F1* adalah seperti di *Jadual 1*.

Baja Sawit MPOB F1 menggunakan ammonium sulfat (AS) dan diammonium fosfat (DAP) sebagai sumber nitrogen dan fosfat. Nitrogen daripada ammonium sulfat boleh disimpan lebih lama dalam tanah berbanding dengan sumber nitrogen yang lain seperti ammonium nitrat atau urea. Fosfat larut air daripada diammonium fosfat adalah lebih tinggi berbanding batuan fosfat. Walau

JADUAL 1.

Unsur	%	Bahan mentah
Nitrogen (N)	10.0	Ammonium sulfat, Diammonium fosfat
Fosforus (P ₂ O ₅)	5.4	Batuan fosfat Jordanian, Diammonium fosfat
Kalium (K ₂ O)	16.2	Muriate of potash
Magnesium (MgO)	2.7	Kieserit
Boron (B ₂ O ₃)	0.5	Borax

bagaimanapun, batuan fosfat akan menghasilkan fosfat larut asid sitrik lebih tinggi sehingga 75% apabila melalui proses tekanan tinggi. Sepertimana baja sebatian lain, sumber kalium, magnesium dan boron adalah daripada muriate of potash, kieserit dan borax. Yang lebih penting ialah keputusan percubaan baja MPOB menggunakan bahan tersebut.

Kadar penggunaan MPOB F1

Kadar penggunaan *Baja Sawit MPOB F1* di tanah pedalaman, tanah lanar pantai dan gambut adalah seperti di *Jadual 2*.

Kekerapan membaja

Secara umum, kekerapan membaja adalah tiga kali setahun semasa pokok berumur antara satu hingga empat tahun dan dua kali setahun selepas pokok berumur lebih daripada empat tahun. Oleh itu, kadar untuk setiap kali membaja adalah bersamaan dengan jumlah tahunan dibahagikan dengan kekerapan untuk tahun berkenaan.

Penempatan baja

Penempatan baja yang berkesan bergantung pada umur pokok. Secara umum, baja perlu ditabur di kawasan di mana terdapat akar pemakanan yang banyak dan aktif. Bagi pokok sawit berumur dua tahun ke bawah, akar pemakanan berada di dalam lingkungan 2 m daripada pangkal pokok. Manakala pokok yang berumur tiga hingga lima tahun, akar pemakanan berada dalam lingkungan 4 m dari pangkal pokok. Oleh itu, bagi pokok sawit yang berumur antara satu hingga dua tahun, baja perlu ditabur dalam lingkungan 1.5-2.5 m dari pangkal pokok. Manakala, bagi pokok berumur antara tiga hingga lima tahun, penempatan baja adalah dalam lingkungan antara 1.5 hingga 4.0 m dari pangkal pokok. Bagi pokok matang, pertumbuhan akar pemakanan telah berada di seluruh kawasan terutama di dalam kawasan peletakan pelepah yang dipangkas. Oleh itu, baja ditabur di kawasan peletakan pelepah. Ini adalah bagi topografi tanah rata hingga ke beralun. Bagi kawasan bukit, baja hendaklah

JADUAL 2.

Umur pokok (thn)	Jenis baja	Kadar baja (kg/pk/thn)		
		Tanah pedalaman	Tanah lanar pantai	Tanah gambut
Semasa menanam	Batuan fosfat	0.25	0.25	0.20
	Kuprum sulfat	-	-	0.02
	Zink sulfat	-	-	0.02
	Kapur (GML)	-	-	2.50
1	MPOB F1	3.6	2.2	1.7
	Urea	-	0.3	0.3
	Batuan fosfat	-	0.3	0.3
	Kuprum sulfat	-	-	0.3-0.4
	Zink sulfat	-	-	0.3-0.4
2	MPOB F1	6.6	3.7	3.0
	Urea	-	0.6	-
	Batuan fosfat	-	0.6	0.2
	Abu tandan*	-	-	3.6
	Kuprum sulfat	-	-	0.1-0.2
	Zink sulfat	-	-	0.1-0.2
3	MPOB F1	6.9	4.1	6.3
	Urea	-	0.7	-
	Batuan fosfat	-	0.6	1.0
	Abu tandan*	-	-	5.6
4	MPOB F1	7.5	4.4	6.3
	Urea	-	0.7	-
	Batuan fosfat	-	0.6	1.0
	Abu tandan*	-	-	6.0
5	MPOB F1	8.0	4.4	6.3
	Urea	-	0.7	-
	Batuan fosfat	-	0.6	1.0
	Abu tandan*	-	-	6.0
6	MPOB F1	9.0	5.6	6.3
	Urea	-	0.8	-
	Batuan fosfat	-	0.7	1.0
	Abu tandan*	-	-	6.0
7	MPOB F1	9.0	5.6	6.3
	Urea	-	0.8	-
	Batuan fosfat	-	0.7	1.0
	Abu tandan*	-	-	6.0
8 ke atas	MPOB F1	9.5	5.9	6.3
	Urea	-	0.9	-
	Batuan fosfat	-	0.7	1.0
	Abu tandan*	-	-	6.0

Nota: Sekiranya tidak ada abu tandan, gantikan dengan baja MOP pada kadar setengah kadar abu tandan.

sentiasa ditabur di keliling pokok sahaja.

Masa dan persediaan sebelum membaja

Masa yang sesuai untuk membaja adalah pada musim sederhana lembap. Masa terlalu kering ataupun terlalu basah kurang sesuai. Kawasan yang hendak ditabur baja hendaklah terlebih dahulu dibersihkan daripada rumpai.

Kesimpulan

Kerajaan telah meletakkan sasaran supaya pengeluaran minyak sawit mentah negara pada tahun 2003 dapat ditingkatkan kepada

4 t bagi 1 ha. Bagi mencapai sasaran ini, MPOB telah mengenal pasti iaitu pembajaan yang berkesan sebagai satu faktor penting. Sekiranya pembajaan dijalankan dengan sempurna dan menggunakan baja yang berkualiti, seimbang dan dengan pengurusan ladang yang baik, maka hasil sawit boleh dipertingkatkan di kawasan yang sebelum ini tidak mendapat pembajaan yang optimum.

Sumbangan: Idris bin Omar dan Ahmad Tarmizi bin Muhammad

Berita Bergambar

Peserta Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002 sedang tekun mengikuti pembentangan kertas kerja.



Peserta persidangan sedang mengemukakan soalan semasa sesi perbincangan.

Peserta melawat gerai pameran.



Pertandingan memasak semasa Hari Terbuka MPOB 2002.



Murid-murid sekolah rendah sedang mencuba majerin berasaskan sawit semasa Hari Terbuka MPOB 2002.

Kanak-kanak sedang menyertai pertandingan melukis semasa Hari Terbuka MPOB 2002.




KENALILAH...

MPOB SRBT1 UNTUK MENGAWAL BELUNCAS DAN ULAT BUNGKUS DI LADANG SAWIT

Sepanjang tahun, pokok sawit diserang oleh pelbagai jenis serangga perosak daun seperti ulat bungkus dan beluncas. Terdapat pelbagai jenis ulat bungkus dan beluncas yang boleh merosakkan daun sawit. Perosak daun ini berupaya merosakkan pokok sawit dan mengurangkan pengeluaran minyak sawit yang dianggarkan bernilai sehingga RM 64 juta setahun dengan memakan daun sawit. Kerosakan daun sawit yang teruk berpunca dari serangan perosak daun ini boleh

menyebabkan pelepah tidak berdaun dan tinggal lidi sahaja (Rajah 1).

Beberapa produk komersial *Bacillus thuringiensis* (Bt) boleh didapati di pasaran tempatan. Namun, harganya agak mahal. MPOB telah menguji keberkesanan produk komersial ini terhadap pelbagai perosak sawit sejak tahun 1990. Kebanyakannya tidak berkesan bagi mengawal perosak daun sawit. Ini kerana produk komersial tersebut dibuat di negara asing untuk kawalan perosak asing.




Rajah 1. Kerosakan daun sawit yang disebabkan oleh serangan ulat bungkus (A) dan beluncas (B).

Bt tempatan yang berpotensi boleh diproses dan sesuai digunakan di Malaysia, terutamanya di ladang sawit kerana kosnya lebih murah berbanding dengan *Bt* komersial dan racun kimia yang ada di pasaran. MPOB telah menemui beberapa *Bt* tempatan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai agen kawalan perosak sawit. Contohnya, bahan aktif MPOB SRBT1 dan yang telah diformulasikan seperti *Rajah 2*.

Kajian makmal terhadap keberkesanan MPOB BT1 yang telah diformulasi menunjukkan ia setanding dengan kawalan menggunakan bahan kimia dan dapat mengawal pelbagai jenis ulat bungkus seperti

Metisa plana, *Pteroma pendula*, *Mahasena corbetti* dan *Manata albipes* dan pelbagai jenis beluncas seperti *Setora nitens* dan *Setothosea assigna*.

Semburan MPOB SRBT1 di ladang dengan alat semburan *turbo mist* (*Rajah 3*) berjaya menghapuskan serangan ulat bungkus *M. plana* yang wujud dalam pelbagai peringkat. Populasi ulat bungkus di ladang yang mati pada hari ketiga selepas semburan ialah sebanyak 88% berbanding dengan 67% kematian yang disebabkan oleh bahan kimia. Sekali semburan dengan MPOB SRBT1 bagi setiap generasi perosak berjaya menghapuskannya sehingga generasi ketiga.



Rajah 2. (A) Bahan aktif MPOB SRBT1 dan (B) yang telah diformulasi.



Rajah 3. Semburan MPOB SRBT1 di ladang sawit di Johor.

Sumbangan: Siti Ranilah bt. Ahmad Ali

PROFIL KOMODITI SAWIT

Perkembangan prestasi industri minyak sawit negara pada tahun 2002 amat memberangsangkan. Petunjuk pasaran menunjukkan bahawa harga minyak sawit sudah stabil dan berada di paras tinggi berbanding kelembapan harga pada tahun lepas. Purata harga minyak sawit bagi tempoh Januari hingga November 2002 lebih tinggi iaitu pada paras RM 1346 setan, meningkat RM 464 berbanding RM 882.50 tahun lepas. Harga bulanan tertinggi bagi tempoh ini ialah RM 1576 yang dicapai pada bulan November (berbanding RM 1215 bulan Ogos tahun lepas) dan harga terendah ialah RM 1150.50 pada bulan Mac 2002 (berbanding RM 697 pada bulan Februari 2001). Prestasi harga pasaran minyak sawit yang menggalakkan ini adalah selari dengan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani kejatuhan harga minyak sawit semenjak tahun 2001 dan sentimen positif di pasaran dunia tahun ini. Perkembangan ini memberi harapan cerah terutama kepada pekebun kecil yang bergantung pada hasil tanaman sawit. Purata harga buah tandan segar di pintu kilang untuk tempoh ini telah meningkat sebanyak RM 106 kepada RM 257 setan, berbanding RM 151 pada tempoh yang sama tahun lepas. Harga bulanan yang paling rendah di sepanjang tahun 2001 ialah RM 110 setan.

Pengeluaran minyak sawit mentah untuk tempoh Januari hingga November 2002 bertambah sedikit sahaja sebanyak 1.2% atau 131 887 t kepada 10.98 juta tan berbanding pengeluaran sebanyak 10.86 juta tan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Pertambahan yang kecil ini adalah kesan daripada musim melawas pengeluaran buah tandan segar dan penebangan kawasan tanaman pokok tua menerusi Skim Insentif Tanam Semula (SITS) yang

diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengurangkan bekalan minyak sawit sebagai langkah memperkukuh harga minyak sawit negara. Stok minyak sawit negara juga telah menurun kepada paras 1.23 juta pada bulan November 2002 berbanding 1.29 juta tan pada bulan yang sama tahun lepas. Ini disebabkan oleh permintaan minyak sawit yang tinggi melebihi bekalan pada tahun ini. Penurunan stok dan bekalan minyak sayuran yang meruncing di pasaran antarabangsa telah memberi kesan kepada kenaikan harga minyak sawit tahun ini.

Sungguhpun harga minyak sawit telah meningkat, ia masih rendah dan lebih kompetitif berbanding dengan harga minyak sayuran utama lain seperti minyak kacang soya, biji rep dan bunga matahari di pasaran antarabangsa. Ini menyebabkan pengimport luar negara meningkatkan belian bagi memenuhi penggunaan tempatan mereka. Dasar kerajaan mengecualikan cukai eksport ke atas 1.3 juta tan minyak sawit mentah supaya dapat berdaya saing di negara yang mempunyai diskriminasi cukai ke atas produk minyak sawit seperti India telah juga mendorong peningkatan dalam eksport. Bagi tempoh Januari hingga November tahun ini, Malaysia telah mengeksport 9.936 juta tan iaitu meningkat sebanyak 2.8% atau 0.28 juta tan berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Negara pengimport utama minyak sawit untuk tempoh ini ialah China, P.R, India, Kesatuan Eropah, Pakistan, Mesir, Jepun dan Arab Saudi. Pendapatan eksport negara dari keluaran sawit juga amat memberangsangkan untuk tempoh ini iaitu meningkat 48.4% kepada RM 13.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Ini telah sedikit sebanyak membantu

**PRESTASI MINYAK SAWIT MALAYSIA:
JANUARI-NOVEMBER 2002/2001(t)**

	2002	2001	Beza
Stok awal (Januari)	1 251 818	1 519 094	- 267 276
Pengeluaran	10 986 971	10 855 084	131 887
Eksport	9 935 700	9 659 592	276 108
Nilai eksport (bilion)	RM 13.50	RM 9.10	RM 4.40
Stok akhir (November)	1 228 941	1 294 527	- 65 586
Kadar perahan minyak (KPM)	19.9%	19.19%	0.71%
Harga minyak sawit mentah	RM 1 346.50	RM 882.50	RM 464
Harga buah tandan segar (t)	RM 257	RM 151	RM 105

ekonomi negara dalam menangani keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang.

Harga minyak sawit mentah juga bertambah teguh dan meningkat lagi pada bulan Disember, sehingga mencapai paras baru tertinggi iaitu RM 1690 setan. Ini disebabkan oleh jangkakan pengeluaran dan stok minyak sawit tempatan yang menurun serta kenaikan harga minyak sayuran di pasaran dunia. Pada bulan Disember 2002, purata harga buah tandan segar di pintu kilang dianggarkan meningkat kepada RM 350 setan, berbanding RM 200 setan pada bulan yang sama tahun lepas.

Prospek harga minyak sawit pada suku pertama tahun 2003 dijangka berada di paras yang lebih kukuh kesan daripada faktor fundamental yang positif di pasaran tempatan dan dunia. Bekalan minyak sawit tempatan dijangka meruncing hingga ke suku pertama tahun 2003 akibat dari pengurangan pengeluaran, permintaan eksport yang stabil dan stok yang menurun di bawah paras 1 juta tan. Bekalan minyak

kacang soya dunia juga dijangka bertambah runcing kerana bekalan dari penuaian musim baru di Brazil dan Argentina hanya akan memasuki pasaran dunia pada suku tahun kedua 2003. Selain itu, jurang perbezaan harga pasaran di antara minyak sawit dan minyak kacang soya yang tinggi hingga ke tahap AS\$ 140, menunjukkan bahawa ada harapan untuk harga minyak sawit meningkat ke tahap yang lebih tinggi untuk mengurangkan jurang ini.

Kenaikan harga minyak sawit mentah secara langsung telah memberi kesan kepada harga buah tandan segar dan pendapatan pekebun kecil. Dengan peningkatan harga buah tandan segar ini, pekebun kecil dinasihatkan agar dapat meningkatkan lagi mutu jualan buah. Mereka juga diharap tidak mengabaikan mutu jualan buah dengan menuai buah yang kurang masak untuk mendapatkan lebih berat timbang.

Sumbangan: Kamaruddin bin Mohd Idris



PERKHIDMATAN UPP&PT, BAHAGIAN BIOLOGI UNTUK SEKTOR PEKEBUN KECIL

Khidmat Nasihat Teknikal dan Amalan Pertanian
(atas permintaan)

Perundingan
(kajian kesesuaian dan penilaian teknikal)

KHIDMAT NASIHAT

Pusat TUNAS
(Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit hingga ke peringkat akar umbi)

Kursus Sehari Sawit
(modul tahunan, dibuka setiap tahun kepada agensi pengembangan)

**Dialog dengan Pekebun-
Pekebun Kecil**
(atas permintaan)

KHIDMAT SOKONGAN

Manual Penanaman dan Penyelenggaraan Sawit untuk Sektor Pekebun Kecil

Risalah Sawit
(tajuk-tajuk khusus)

Buku Industri Sawit di Malaysia
(rujukan segera industri sawit)

Peladang Sawit
(majalah setiap empat bulan)

Projek Ladang Angkat
(pemulihan lot bermasalah dari segi teknikal)

PROJEK

Projek Integrasi Tanaman dan Ternakan
(mengoptimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan pendapatan dari kawasan yang sama)

Plot Demonstrasi
(untuk rujukan dan tempat latihan)

Kelab 30 Tan
(terbuka kepada pekebun kecil yang mencapai hasil tahunan 30 t/ha)

Skim Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian
(ke arah bekalan anak benih sawit bermutu)

Keterangan lanjut:

Dr Hj Zin Zawawi Zakaria	03-89282472	zinz@mpob.gov.my
Hj Suboh Ismail	03-89282490	suboh@mpob.gov.my
Hj Esnan Ab Ghani	03-89282550	esnan@mpob.gov.my
Hj Idris Omar	03-89282489	idriso@mpob.gov.my
En Zulkifli Abd Manaf	03-89282491	zulmanaf@mpob.gov.my
Dr Rosli Awaluddin	03-89282509	ross@mpob.gov.my
En Roslan Arshad	03-89282538	rlan@mpob.gov.my

Hotline MPOB

Ibu Pejabat	03-89251122	Teluk Intan	03-32166122
Kluang	07-7891122	Lahad Datu	089-881222
Hulu Paka	09-8201122	Sessang	083-436122

Alamat

Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi
Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur
Laman web: mpob.gov.my/smallholder.htm

Sumbangan: Esnan bin Abd Ghani

SEDUTAN AKHBAR

MALAYSIA BOLEH JADI PENGELUAR PULPA, KERTAS DARIPADA SAWIT

Malaysia mampu menjadi pengeluar utama pulpa dan kertas yang diperbuat daripada gentian tandan kosong sawit. Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata ini akan menambah pendapatan, pada masa yang sama, mengurangkan import pulpa dan kertas negara. Beliau berkata, ketika lawatannya ke wilayah Fujian di Selatan China dua minggu lalu. Beliau menyaksikan demonstrasi pengeluaran komersial pulpa dan kertas menggunakan gentian tandan kosong sawit. "Ujian komersial berjaya dijalankan yang mana pulpa kimia belum dilunturkan dapat dikeluarkan dan kertas gred industri dapat dibuat. Daya maju teknikal mengeluarkan pulpa dan kertas dari bahan gentian baru ini adalah tinggi dan aspek ekonomi sedang dinilai," katanya ketika merasmikan Seminar Pulpa dan Kertas 2002, di Putrajaya, semalam. Seminar dua hari bertemakan *Menyambung Jurang Antara Hasil R&D dan Permintaan Perusahaan* itu dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Dato' Seri Dr Lim berkata industri pulpa dan kertas di Malaysia adalah industri strategik yang mendapat perhatian dan sokongan kerajaan. Pengeluaran pulpa dari bahan kayu serta bukan kayu dan membuat kertas daripada pulpa dianggap sebagai perniagaan yang amat menguntungkan apabila ada permintaan kukuh. Tahun lalu, rantau Asia Pasifik mengeluarkan 101 juta tan produk kertas atau 31.7% pengeluaran dunia. Penggunaan rantau ini pula adalah 34.3% daripada penggunaan dunia. Jumlah penggunaan produk kertas di rantau ini dijangka berganda menjelang 2013. Beliau berkata, "rantau ini turut menjadi pengimport bersih pulpa dan kertas. Malaysia mengimport kira-kira RM 2.9 bilion produk pulpa dan kertas setahun. Dengan penggunaan produk kertas dijangka meningkat, jurang antara pengeluaran dan penggunaan tempatan dijangka melebar kecuali langkah diambil untuk menampung kekurangan ini". Dato' Seri Dr Lim berkata, "industri pulpa dan kertas turut menjadi tumpuan kementeriannya dan berhasrat untuk mengubah kedudukan daripada pengimport bersih kepada pengekspor produk pulpa dan kertas". Sejalan dengan itu, kerajaan menggalakkan penubuhan industri berkenaan dan menyambut baik pelaburan asing dalam bidang itu. Mengenai pengeluaran pulpa daripada gentian tandan sawit, Dr Lim berkata, "kajian menunjukkan pertukaran gentian sawit bukan saja berdaya maju dari segi teknikal, tetapi juga menarik dari segi kewangan. Pengeluaran China menggunakan proses kimia menunjukkan kilang mempunyai keupayaan pengeluaran 20 000 t hingga 25 000 t setahun boleh diadakan dan beroperasi dengan menguntungkan". Pelaburan yang diperlukan hanya sekitar RM 1 juta bagi 1000 t pulpa yang dikeluarkan dengan kadar pulangan kira-kira 40%. Bagi proses konvensional, beliau berkata kilang pulpa memerlukan AS\$ 1 bilion dan bahan mentah daripada keluasan melebihi 200 000 ha.

Berita Harian, 24 September 2002.

PENGUSAHA SAWIT DIGESA TUMPUKAN PROGRAM TINGKAT PRODUKTIVITI

Kerajaan mahu pengusaha tanaman sawit, terutama syarikat gergasi memberi tumpuan program peningkatan produktiviti melalui *Kempen 4 Tan*. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Hj Aman berkata negara sepatutnya mendapat pendapatan tambahan RM 1.2 bilion berbanding RM 14.11 bilion perolehan keseluruhan tahun lalu jika produktiviti sektor itu lebih tinggi. Tanaman sawit adalah tanaman yang sangat produktif dan mampu mengeluarkan 8 hingga 10 t minyak/thn. "Oleh itu, kita lihat perlunya perkara ini diberi perhatian serius apa lagi sasaran kita ini harus dicapai menjelang tahun depan," katanya di majlis Jamuan Makan Malam Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA) di Hotel Emas, di sini. Hadir sama ialah pengerusi EMPA, Datuk Wasli Mohd Said. Datuk Anifah berkata *Kempen 4 Tan* yang diperkenalkan oleh kementerian dan digerakkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bertujuan meningkatkan kesedaran, keyakinan dan keupayaan pengeluaran masing-masing. Sasaran itu berdasarkan prestasi pengeluaran yang dicatatkan sejak beberapa tahun lalu. Tahun lalu, purata hasil pengeluaran sawit negara adalah 3.7 t, meningkat 5.8% berbanding 3.4 t pada 2000. Datuk Anifah berkata syarikat perladangan yang sudah mencapai sasaran 4 t/ha/thn harus meningkatkan produktiviti agar dapat membantu negara mencapai purata perolehan itu pada peringkat nasional. Beliau berkata syarikat perladangan gergasi boleh memainkan peranan dengan membantu pengusaha kebun kecil di persekitaran ladang mereka melalui nasihat serta tunjuk ajar berkesan. "Golongan ini perlu diberi perhatian kerana jumlahnya sudah mencapai 92 000 orang dengan pemilikan tanah seluas 38 000 ha atau hampir 11% daripada

bersambung di muka surat 18

sambungan dari muka surat 17

jumlah kawasan tanaman sawit negara," katanya. Penanaman sawit setakat ini meliputi 3.6 juta hektar atau 60% daripada 6 juta keluasan kawasan pertanian negara, mengatasi tanaman komoditi lain seperti koko, kelapa, kopi dan padi.

Berita Harian, 19 Oktober 2002.

MALAYSIA MAMPU JADI PENGELUAR TERBESAR SAWIT

Negara berupaya menjadi pengeluar utama sawit dunia menjelang 2005 sekiranya 95 587 pekebun kecil dapat meningkatkan pengeluaran buah tandan segar (BTS). Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ariffin Darus berkata pada masa ini, pekebun kecil cuma menghasilkan 13 t/ha/thn BTS berbanding sektor estet 25 t/ha/thn. Sehubungan itu, kerajaan mengadakan kempen bagi menggalakkan pekebun kecil meningkatkan purata pengeluaran minyak negara dari 3.7 t/ha/thn sekarang kepada 4 t/ha/thn pada 2003. Ketika ditemui pada Hari Terbuka MPOB di sini hari ini, beliau berkata pekebun kecil sehingga kini mengusahakan sawit membabitkan keluasan 343 342 ha. Dr Ariffin berkata, Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002 yang akan diadakan pada 31 Oktober ini membincangkan strategi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti sawit, pemindahan teknologi, pemasaran BTS dan penggunaan tanah yang optimum dengan matlamat meningkatkan pendapatan. Sementara itu, Hari Terbuka MPOB yang pertama diadakan sejak penubuhan MPOB pada 1 Mei 2000 bertujuan meningkatkan pengetahuan orang ramai terhadap tugas MPOB dalam pembangunan industri sawit negara. Pelbagai acara diadakan termasuk gubahan sawit, pertandingan memasak serta demonstrasi membuat marjerin dan umbut sawit.

Berita Harian, 24 Oktober 2002.

Sumbangan: Mohd Saufi bin Awang



Bahan-bahan:

- 2 ekor ikan keli
- Minyak sawit
- 10 helai pucuk gelugur
- 2.54 cm kunyit hidup
- 1 biji kelapa
- 5 ulas bawang merah
- 20 biji cili api
- 2 batang serai
- Garam secukup rasa

Cara membuat:

1. Bersihkan ikan dan dikelar.
2. Gaul dengan serbuk kunyit dan garam.
3. Panaskan minyak sawit.
4. Kemudian goreng ikan hingga masak dan toskan.
5. Daun gelugur diracik halus dan diramas dengan garam.
6. Cili api, bawang dan kunyit ditumbuk hingga lumat.
7. Tumiskan bahan yang ditumbuk bersama serai yang dititik ke dalam kuali sehingga naik bau.
8. Masukkan santan dan masak di atas api yang sederhana.
9. Masukkan daun gelugur dan garam secukup rasa.
10. Setelah pekat, angkat dan curah di atas ikan yang telah digoreng tadi.
11. Hias dan hidangkan.

- Pemenang Pertama Pertandingan Memasak Sempena Hari Terbuka MPOB 2002.

PELADANG JAYA

Kerja itu Satu Ibadah

- *Encik Masbino bin Tarimin*



En Masbino sedang menerima Anugerah Industri Sawit kategori Pekebun Kecil Sawit Jaya 2001.

Selepas bersara dari Pos Malaysia enam tahun dahulu, En Masbino bin Tarimin terus bergiat sepenuh masa sebagai pekebun kecil sawit. Beliau berkelulusan SC/FMC tahun 1963. Kebun sawitnya seluas 5 ha terletak di Kg. Teluk Buloh, Minyak Beku, Batu Pahat, Johor. Sebahagiannya telah mula ditanam pada tahun 1993. "Saya akui tiada pengalaman mengenai tanaman sawit sebelum ini. Dari semenjak saya bertugas dalam Jabatan Pos lagi saya cenderung kepada tanaman ini. Lebih-lebih lagi apabila melihat sendiri kejayaan rancangan kerajaan membangunkan Tanah Rancangan Felda sehingga berjaya meningkatkan taraf hidup peneroka ke tahap kehidupan yang lebih tinggi dan selesa. Ini semua membangkitkan minat saya untuk mengusahakan tanaman sawit sebaik mungkin," katanya.

Pada peringkat permulaan mencebur diri, En Masbino membaca buku tentang sawit. Selain itu, beliau kerap berinteraksi dengan pegawai-pegawai agensi pengembangan dan pembangunan serta pengusaha sawit yang berpengalaman. Maklumat mengenai penanaman sawit juga diperoleh dari majalah dan risalah yang diedarkan oleh Jabatan Pertanian, agensi-agensi lain serta syarikat-syarikat swasta yang menjual input pertanian. "Maklumat

yang diperoleh menambah ilmu dan sekaligus menguatkan keyakinan saya untuk menceburi bidang yang pada awalnya asing bagi saya," kata En Masbino.

Bagi beliau, beberapa persediaan mesti dibuat sebelum seseorang menceburi bidang ini iaitu ilmu pengetahuan mengenai tanaman sawit, maklumat mengenai keperluan persediaan tanah, pembekal benih dan input pertanian, modal yang mencukupi, perkakasan pertanian yang mudah dan berkesan serta alat jentera yang ringan dan praktikal untuk digunakan di ladang. Bagi beliau, menanam sawit tanpa persediaan ilmu tidak akan mendatangkan pulangan yang baik.

Peringkat persediaan tanah dan penanaman adalah peringkat yang paling penting diberi tumpuan oleh En Masbino. Beliau telah membuat jadual pelaksanaan penyediaan tanah dengan teliti. "Sebarang kesilapan dan kelalaian dari segi pemilihan, penyediaan dan penanaman anak benih serta persiapan dan reka bentuk kebun sawit yang kurang sempurna tidak dapat lagi diubah selepas itu. Kesannya kepada hasil adalah besar dan berpanjangan sepanjang hayat pokok sawit 25 tahun akan datang," ujar beliau lagi.

Tanah yang diusahakan oleh En Masbino adalah dari jenis lanar laut yang subur dengan bentuk muka bumi yang rata. Dengan itu, agak mudah untuk beliau membuat reka bentuk kebun yang baik. Barisan tanaman dibuat arah utara ke selatan dengan jarak tanaman segi tiga sama 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m. Susunan tersebut dapat memberi pendedahan cahaya matahari yang maksimum kepada pokok sawit yang ditanam. Pelepah sawit disusun dengan baik. Lorong tuai, jalan dan parit ladang yang dirancang dari awal dan diselenggara dengan sempurna telah memudahkan kerja pembajaan, kawalan rumpai dan penuaian buah sawit. Pengangkutan hasil sawit dapat dilakukan dengan lancar menggunakan jentera empat roda pelbagai guna yang beliau ubahsuai sendiri.

Bahan tanaman yang digunakan adalah DxP yang dibekalkan oleh pusat penyelidikan Guthrie, Layang-Layang, Johor. "Memang orang kata harga anak benih sawit yang saya beli ketika itu mahal sedikit tetapi saya tak kisah kerana tidak berani menanggung risiko untuk membeli benih yang saya tidak yakin sumber dan ketulenannya. Tambahan pula, saya tidak mempunyai kemahiran untuk membuat kerja penakaian jika menyemai sendiri anak sawit. Dengan membeli anak benih yang telah berumur 12 bulan daripada sumber yang diyakini, saya dapat mengelak masalah benih tidak tulen. Selain itu, pokok sawit mengeluarkan

bersambung di muka surat 20



En Masbino menunjukkan jentera empat roda yang diubahsuai untuk pelbagai kegunaan di kebun sawit.

hasil lebih cepat iaitu 2.5 tahun sahaja selepas ditanam," ujar beliau lagi.

Menurut En Masbino dari awal lagi, beliau telah menjangkakan bahawa kerja di kebun sawit memerlukan banyak tenaga buruh. Untuk meringankan kerja, beliau telah membina sendiri jentera empat roda yang digerakkan dengan enjin vespa bagi mengangkut hasil sawit, merumpai, membaja dan mengangkut input pertanian lain termasuk melakukan kerja menurap jalan pertanian di kebunnya. Dahulu beliau pernah menggunakan enjin kenderaan empat lejang yang lebih besar tetapi didapati berat dan tidak praktikal. Beliau membelanjakan lebih kurang RM 4000 untuk membina jentera pelbagai guna tersebut. "Jentera seperti ini amat berguna dan dapat meringankan kerja di kebun sawit saya," kata beliau.

En Masbino telah memanfaatkan segala pengetahuan dan pengalaman beliau sebagai pekerja pos dalam mengurus hasil pendapatan kebun sawitnya. Hasil pendapatan dan perbelanjaan kebun diurus dengan teratur dan

direkodkan dengan baik. Walaupun tanah beliau dikategorikan sebagai tanah subur, beliau tetap memperuntukkan perbelanjaan untuk input baja dan pertanian yang lain sebagaimana yang disyorkan. "Saya faham bahawa harga komoditi sawit tidak sentiasa tinggi. Oleh itu, saya sentiasa membuat sedikit simpanan untuk peruntukan input pertanian semasa harga sawit tinggi bagi digunakan semasa harga sawit turun satu masa nanti," tambah beliau.

En Masbino mempunyai empat orang anak, yang tua berumur 36 tahun adalah seorang guru di Pusat Giat MARA. Anak kedua berumur 35 tahun bertugas dengan Petronas, yang ketiga berumur 29 tahun, seorang jurutera dan yang bongsu berumur 20 tahun masih menuntut di Universiti Multimedia. Pada usia menjangkau 60 tahun, En Masbino kini adalah seorang pekebun kecil sawit yang berjaya. Tahun 2001, kebunnya mencapai hasil lebih 40 t/ha. Beliau adalah penerima Anugerah Industri Sawit Tahun 2001 kategori Pekebun Kecil Sawit Jaya semasa Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2002 berlangsung di Hotel Marriott, Putrajaya baru-baru ini.

Walaupun kesemua anak hasil perkongsian hidup dengan isteri tercinta Pn Zubaidah Hj Alias telah berjaya dalam bidang masing-masing, En Masbino dan isteri masih terus bekerja di kebun sawit kerana bagi En Masbino, kerja itu adalah suatu ibadah. Itulah pegangan hidup beliau sejak berkhidmat di Jabatan Pos dahulu sehingga sekarang. Beliau yakin bahawa dengan bekerja bersungguh-sungguh, ikhlas dan tidak jemu dalam menuntut ilmu dan mengamalkannya, InsyaAllah segala usaha akan diberkati Allah.

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf dan
Abd Jalal bin Isnen

JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. Kemarau atau kurang hujan.
2. Hujan yang berlebihan.
3. a) Mempunyai nilai iodin (I.V.) yang tinggi. I.V. adalah ukuran tahap kecairan minyak di mana nilai yang lebih tinggi bermakna minyak yang lebih cair.
b) Mempunyai nilai karoten yang tinggi iaitu sumber yang penting untuk vitamin A.
4. Kapsul karoten.
5. 180 pk/ha.

Sumbangan: Basri bin Bakar